

Bilakah ubat biskita siap untuk diambil?

WAKTU PESANAN UBAT BULANAN	WAKTU UBAT SIAP UNTUK DIAMBIL *
Isnin	Khamis
Selasa	Sabtu
Rabu	Isnin minggu seterusnya
Khamis	Selasa minggu seterusnya
Sabtu	Rabu

(* Tempoh 3 hari dan tidak termasuk cuti kelepasan awam, hari Jumaat dan Ahad)

Hari mengambil ubat akan diganjakkan pada hari seterusnya jika:

- pesanan emel dibuat selepas waktu bekerja
- hari mengambil ubat jatuh pada hari kelepasan awam

Di **MANA** mengambil ubat yang dipesan?

- Ambil ubat di Farmasi yang dihubungi.
- Ambil di kaunter yang ditetapkan.
- Beratur mengikut giliran awda sampai di kaunter.

Peringatan Penting

- Pastikan ubat awda telah dipesan oleh doktor dalam sistem Bru-HIMS.
- Pastikan bekalan bulanan di rumah masih mencukupi untuk **7 hari** sebelum biskita membuat pesanan untuk ubat bulanan.
- Jika biskita kehabisan bekalan ubat atau memerlukan ubat dengan segera sila datang ke farmasi untuk mendapatkan bekalan ubat seperti biasa.
- Semasa mengambil ubat, biskita dikehendaki membawa **kad pendaftaran Bru-HIMS** atau bukti pengenalan awda.
- Biskita mesti mengambil ubat dalam tempoh **5 hari bekerja** selepas ubat biskita siap untuk di ambil. Ubat-ubatan yang tidak diambil dalam tempoh tersebut akan dikembalikan kepada stok farmasi dan biskita dikehendaki mengambil nombor giliran baru.

Versi 4 (5.2018)



Kementerian Kesihatan
Negara Brunei Darussalam
PERKHIDMATAN FARMASI

Nada masa untuk
mengambil ubat bulanan?
Inda mahu menunggu
lama?
Payah cari parking?

*Kami ada cara untuk
mengurangkan masa
menunggu bekalan ubat
awda....*

Perkhidmatan

SANANG AMBIL
(Easy Collect)



Telefon



Emel

Cubalah perkhidmatan
terbaru yang kami sediakan

Siapakah yang **BOLEH** menggunakan perkhidmatan ini?

Perkhidmatan ini terbuka untuk **pesakit** yang berdaftar dalam sistem Bru-HIMS dan pesanan ubat telah dimasukkan ke dalam sistem Bru-HIMS.

Siapakah yang **DIKECUALIKAN** dari menggunakan perkhidmatan ini?

- Pesakit yang perlu membayar kos ubat mereka.
- Pesakit yang memerlukan ubat serta-merta.

Bilakah **MASA** untuk **MEMESAN** dan mengambil ubat?

Melalui telefon:

Isnin hingga Khamis, dan Sabtu
8.00 pagi hingga 12.00 tengahari dan
1.30 petang hingga 4.00 petang
[Kecuali pada hari Jumaat, Ahad
dan Hari Kelepasan Awam.]

Melalui Emel:

Bila-bila masa

Pesanan yang diterima selepas waktu bekerja akan diproses pada hari berkerja seterusnya.

Cara **MENGGUNAKAN** perkhidmatan ini:

1

Telefon/emel farmasi sekurang-kurangnya 3 hari bekerja sebelum awda mengambil ubat dan berikan:

- Nama penuh
- Nombor Bru-HIMS
- Nombor telefon

2

Catit nombor pesanan yang diberikan oleh farmasi.

3

Bawa Kad Pendaftaran Bru-HIMS ke kaunter yang ditetapkan pada hari yang dimaklumkan.

4

Nyatakan nombor pesanan biskita dan tarikh pesanan panggilan/emel.

Cara **MEMESAN** ubat:

Pesanan ubat boleh dibuat secara terus melalui **TELEFON** atau **EMEL** ke nombor telefon atau alamat emel berikut:

HOSPITAL/PUSAT KESIHATAN	NO. TELEFON	ALAMAT EMEL
Farmasi Pesakit Luar RIPAS, BSB	2223765	ecpharmacy.ripash@moh.gov.bn
Farmasi Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, RIPAS	2226037	ecpharmacy.wnc@moh.gov.bn
PMMPMHAMB, Tutong	4220956	ecpharmacy.pmmh@moh.gov.bn
SSB, Kuala Belait	3340424	ecpharmacy.ssbh@moh.gov.bn
PK PAPHMWHB, Gadong	2428246	ecpharmacy.gadonghc@moh.gov.bn
PK Berakas, Lambak Kanan	2340319	ecpharmacy.berakashc@moh.gov.bn
PK Muara	2770124	ecpharmacy.muarahc@moh.gov.bn
PK Pengkalan Batu	2683190	ecpharmacy.pbatuhc@moh.gov.bn
PK Jubli Emas, Bunut	2652714	ecpharmacy.bunuthc@moh.gov.bn
PK Jubli Perak Sengkurong	2662076	ecpharmacy.sjshc@moh.gov.bn
PK PAPHR SB, Sg. Asam	2201026	ecpharmacy.sgasamhc@moh.gov.bn
PK Sungai Liang	3230830	ecpharmacy.sglianghc@moh.gov.bn
PK Seria	3224727	ecpharmacy.seriahc@moh.gov.bn
PK Telisai	4244457	ecpharmacy.telisaihc@moh.gov.bn
PK Pekan Tutong	4220662	ecpharmacy.tutonghc@moh.gov.bn
PK Lamunin	4237033	ecpharmacy.lamunihc@moh.gov.bn
PK Sungai Kelugos	4240229	ecpharmacy.kelugoshc@moh.gov.bn